

22 MAY 1996

AGONG UTUS PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN YEMEN

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengutuskan perutusan tahniah kepada Presiden Republik Yemen Jeneral Ali Abdullah Saleh sempena sambutan Hari Kebangsaan kelima negara itu.

Dalam perutusannya, Seri Paduka berharap kedua-dua negara akan meningkatkan hubungan dan kerjasama sedia wujud.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dalam perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Abdul Aziz Abdul Ghani berkata Malaysia berhasrat memperluaskan kerjasama di antara kedua-dua negara terutamanya dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

Dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Dr Abdel Karrim Ali Eryany, Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Badawi berharap hubungan baik di antara kedua-dua negara akan berkekalan. -- BERNAMA

YBK NAK

ah bns